



BAHAGIAN KEJURUTERAAN AWAM
JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dari **CIDB**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dari **CIDB** dan **Sijil TARAF BUMIPUTERA** dari **BPKU** yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:

BIL	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	HARGA BORANG SEBUTHARGA	TEMPAT DAN TARIKH BORANG DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
1.	Membina Baru Dewan Orang Ramai Mukim Lipat Kajang (Dun Kerdu) (MPT:S-16/2017)	RM 80.00	Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh 11.08.2017 - 18.08.2017 (Pada waktu pejabat)	Gred G2	Tiada	21.08.2017 (Isnin) Jam 12.00 tengahari
2.	Membina Baru Dewan Orang Ramai Kampung Kuala Mai (Dun Jenderak) (MPT:S-17/2017)	RM 80.00		Pengkhususan, CE21		
3.	Pembinaan Dewan Serbaguna di Kampung Kuala Tekal, Mukim Jenderak 1, Dun Kerdu (MPT:S-19/2017)	RM 80.00				

2. Borang Sebutharga boleh dibeli di **Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh**, waktu pejabat bermula **11.08.2017**.
3. Kontraktor yang berminat hendaklah mendapatkan borang sebutharga dengan hadir sendiri serta membawa sijil Asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)** & **Sijil Taraf Bumiputera (BPKU)** semasa membeli borang sebutharga.
4. Bayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau kiriman wang pos sebanyak sepertimana di atas dan atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Temerloh**. Bayaran ini tidak dikembalikan.
5. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis tajuk kerja di sudut kiri atas dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **di Tingkat 5, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh** pada **21.08.2017 (ISNIN)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
6. Sebarang Kelewatan menghantar borang sebutharga **melebihi** Jam **12.00 Tengahari** tidak Akan Dilayan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(**HARIS HATHILAH BIN MOHD HAJAR**)
Ketua Bahagian Kejuruteraan Awam,
b.p Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Temerloh.